

SPR lambang demokrasi Malaysia

BH- 12/11/2007

Syor tubuh suruhanjaya bebas hanya jejas reputasi kendali pilihan raya



**Meniti
Arus**

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

PAS dan Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) mengambil keputusan memulakan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Batu Talam di Pahang yang dijadualkan pada 28 Januari ini sebagai bantahan terhadap apa yang mereka sifatkan sebagai 'beberapa kepincangan' yang kononnya wujud pada sistem pilihan raya dan kewibawaan Suruhanjaya Pilihan Raya itu sendiri.

Demikian menurut laporan beberapa akhbar tempatan kelmarin. Jika laporan yang memetik Timbalan Presiden Pas, Nasharuddin Mat Isa itu benar, sudah hampir pasti bahawa Barisan Nasional (BN) akan memenangi kerusi berkenaan secara percuma, kecuali ada calon bebas bercita-cita mencuba nasib.

Sebelum ini Parti Tindakan Demokrat (DAP) telah pun menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk bertanding.

Kerusi itu kosong berikutan kematian Adun BN, Datuk Tengku Paris Tengku Razlan kerana barah paru-paru dan usus pada 27 Disember lalu. Tarikh penamaan calon ditetapkan, Selasa ini.

Sebenarnya keputusan yang diambil parti pembangkang itu bukan sesuatu yang memeranjatkan. Malah bagi pemerhati politik yang peka, mereka sudah boleh meramalkan perkara demikian akan berlaku berdasarkan beberapa perkembangan pada akhir-akhir ini, terutama ekoran kenyataan yang boleh dikatakan kontroversi oleh Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, awal minggu ini.

Sambil mencadangkan agar suruhanjaya itu dirombak untuk membolehkan proses pilihan raya menjadi lebih telus, adil dan saksama kepada semua parti politik dan rakyat negara ini.

Beliau dipetik sebagai berkata: "Orang sekarang lebih pandai, negara juga dah moden. Orang bertanya kenapa tidak boleh dibuat pilihan raya yang lebih telus."

Untuk membolehkan rombakan yang dicadangkannya itu dilaksanakan, Abdul Rashid mahukan agar sebuah suruhanjaya bebas dianggotai pakar undang-undang, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik dibentuk bagi mengemukakan cadangan masing-masing.

Abdul Rashid mendakwa beliau mengemukakan cadangan itu kerana berpen-

dapat dalam keadaan sekarang SPR agak terikat akibat terlalu banyak kelemahan pada undang-undang sedia ada. Beliau juga berharap agar suruhanjaya itu diberikan lebih kuasa. Antaranya:

- Kuasa menubuhkan parti politik dan menjamin kebebasan mengambil bahagian pada bila-bila masa dalam pilihan raya.

- Kuasa mengawal semua keadaan pada musim berkempen.

- Kuasa mengatur keadilan dan kebebasan melapor bagi semua media cetak dan elektronik.

- Kuasa mengawal dan menghukum pihak yang menyalahgunakan kemudahan awam untuk berkempen.

- Kuasa menentukan keadilan dalam hal-hal berkaitan pembiayaan kewangan untuk kempen parti.

- Kuasa mengawal dan mencegah rasuah dan aktiviti membeli undi dalam musim pilihan raya.

Begitulah saratnya cadangan yang dikemukakan oleh Pengerusi SPR itu. Pada masa sama, cadangan itu juga dipenuhi pelbagai luahan negatif seolah-olah mengiyakan tuduhan dan dakwaan yang cuba digembar-gemburkan pihak tertentu selama ini berhubung kewibawaan SPR.

Rasional di sebalik kenyataan itu dan masa yang dipilih untuk membuatnya (cuma beberapa hari menjelang penamaan calon di Batu Talam) terlalu sukar difahami kecuali kalau SPR benar-benar percaya bahawa sistem yang ada sekarang sudah teruk sehingga tidak memungkinkan pilihan raya dikendalikan secara bebas, telus dan adil.

Kalau itu hakikatnya kenapa sekarang baru berbunyi? Sejak 1955, suruhanjaya yang sama mengendalikan 11 pilihan raya umum dan mungkin ratusan pilihan raya kecil tanpa banyak masalah.

Keputusannya juga tidak pernah hanya memihak kepada parti pemerintah. Ada kalanya calon BN kalah dan kerajaan negeri yang dikuasai parti pemerintah ditumbangkan oleh parti pembangkang.

Kalau pilihan raya berkenaan tidak dijalankan secara bebas, telus dan adil, perkara sedemikian tidak mungkin akan berlaku seperti yang terdapat di sesetengah negara.

Meskipun diakui bahawa cadangan pemindaan undang-undang pilihan raya sedia ada mempunyai kewajaran kerana ia digubal 50 tahun lalu dan mungkin sudah ketinggalan zaman, komen negatif mengenai perjalanan pilihan raya di negara ini sebenarnya tidak perlu sama sekali, terutama kalau ia dikeluarkan oleh



TUNAI TANGGUNGJAWAB: Sejak 1955, suruhanjaya yang sama mengendalikan 11 pilihan raya umum dan mungkin ratusan pilihan raya kecil tanpa banyak masalah.

orang yang sepatutnya memelihara dan melindungi kewibawaan SPR itu sendiri.

Dalam keadaan demikian dan mengambil kira perkembangan ini, keputusan parti pembangkang memboikot pilihan raya kecil DUN Batu Talam itu sesuatu yang tepat dan betul dari segi perkiraan dan kepentingan politik mereka.

Mereka barangkali mempunyai sebab lain untuk tidak mengambil bahagian seperti, misalnya, peluang tipis untuk menang atau tidak mahu menghabiskan masa dan duit yang sepatutnya ditumpukan kepada persediaan menghadapi pilihan raya umum yang mungkin diadakan akhir tahun ini atau tahun depan.

Walaupun dari segi politik keputusan tidak bertanding mungkin tepat dan menguntungkan mereka dalam tempoh jangka pendek, ia mungkin memudaratkan reputasi dan imej negara dari segi jangka panjang.

Malah Presiden Pas, Datuk Seri Abdul

Hadi Awang sudah pun seolah-olah mahu mengugut kerajaan apabila beliau menyatakan bahawa penyertaan parti itu pada pilihan raya umum akan datang bergantung kepada senario politik ketika itu.

Adalah jelas bahawa kenyataan tidak politik yang dibuat oleh mana-mana pihak, terutama mempunyai kedudukan tertentu dalam masyarakat atau orang yang mengetuai agensi tertentu boleh membawa implikasi yang amat luas serta menyeluruh.

Ya boleh menjejaskan kepentingan negara dan jauh melampaui kepentingan peribadi, agensi atau kepentingan politik pihak-pihak tertentu. Mungkin masanya sudah sampai untuk semua pihak kembali memfokuskan perhatian kepada kepentingan negara demi masa depan yang lebih baik.

Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara.